

Pilih jawapan yang paling sesuai.


BAHAGIAN A
(20 markah)

Soalan 1 hingga Soalan 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Cikgu Siva memberi _____ kepada para peserta perkhemahan itu di tapak perhimpunan.
 - A cadangan
 - B taklimat
 - C ucapan
 - D maklumat
- 2 Henry telah dipilih sebagai _____ pada kejohanan sukan di sekolahnya.
 - A maharaja
 - B neragawan
 - C olahragawan
 - D wartawan

Soalan 3 berdasarkan gambar



- 3 Haikal tidak _____ kotak yang berisi buku itu.
 - A mengangkat
 - B terangkat
 - C diangkat
 - D berangkat

4 " _____ , malangnya nasibku!" rintih Samad setelah terjatuh ke dalam longkang.

- A Wah
- B Amboi
- C Cus
- D Aduhai

5 Jarak _____ rumah ke sekolah saya ialah empat kilometer.

- A daripada
- B dari
- C ke
- D pada

Soalan 6 berdasarkan gambar



6 Marimuthu terjatuh kerana terpijak dahan yang _____.

- A lusuh
- B lemau
- C lembik
- D rapuh

7 Temasya sukan di sekolah saya pada tahun ini _____ meriah sekali.

- A paling
- B terlalu
- C betul
- D sungguh

- 8 Kamal yakin bahawa SA _____ nya setelah mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan percubaan UPSR baru-baru ini.
- A dalam tangan
 - B senang hati
 - C besar hati
 - D cepat tangan
- 9 Menaga dan Kamala tinggal berjiran. Setiap hari, _____ pergi ke sekolah bersama-sama.
- A dia
 - B mereka
 - C kalian
 - D kami
- 10 _____ bersabar. Anda akan dilayan sebentar lagi.
- A Tolong
 - B Sila
 - C Harap
 - D Jemput
- 11 Kami sekeluarga _____ melancong ke luar negara pada minggu hadapan.
- A telah
 - B belum
 - C masih
 - D akan
- 12 Di tepi perhentian bas itu terdapat se_____ tiang lampu yang kelihatan condong.
- A biji
 - B cucuk
 - C batang
 - D tongkol

- 13 "Sila dapatkan tarikh _____ anda di kaunter itu," kata jururawat kepada Puan Saras sambil menunjukkan ke arah kaunter itu.
- A temu janji
 - B temu bual
 - C temu duga
 - D janji temu
- 14 Lori yang menuruni bukit itu terbabas _____ jatuh ke dalam gaung.
- A kecuali
 - B lalu
 - C supaya
 - D dan
- 15 Pondok usang di tepi sawah itu hampir roboh dimakan _____.
- A pari-pari
 - B agar-agar
 - C lebah-lebah
 - D anai-anai
- 16 Pilih ayat yang betul.
- A Mereka-mereka sedang bermain di padang yang luas itu.
 - B Emak telah membeli dua setengah kilogram gula untuk membuat dodol.
 - C Surat itu diterima oleh Susila dari kawannya Susmitha yang berada di Ipoh.
 - D Murid-murid tahun 6 Ros membincangkan tentang persiapan majlis perpisahan guru kelasnya.

Soalan 17 hingga soalan 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Dalam perjalanan pulang dari sekolah, aku terpandang seorang lelaki tua terbaring di tepi jalan. Dia mengerang kesakitan. Sebuah basikal terbaring di sisinya.

Aku segera berlari ke arahnya. Aku mengenali orang tua itu. Beliau ialah Encik Muthu yang tinggal tidak jauh dari rumahku. Rupa-rupanya Encik Muthu terjatuh dari basikalnya. Kepalanya pula terhantuk pada bongkah batu di tepi jalan itu.

Encik Muthu menekup dahinya yang berdarah. Kebetulan pada masa itu sebuah teksi lalu di sana. Aku menahan teksi itu. Pemandu teksi itu menunjukkan rasa simpati lalu menghantar Encik Muthu ke hospital.

Aku menuntun basikal Encik Muthu ke rumahku. Setibanya di rumah, aku menceritakan kejadian itu kepada ayahku. Ayah segera menghubungi keluarga Encik Muthu melalui telefon bimbitnya.

Kemudian, kami pergi ke hospital. Di sana, kami bertemu dengan keluarga Encik Muthu. Pemandu teksi pun masih ada di sana. Keluarga Encik Muthu mengucapkan terima kasih kepadaku. Aku berasa bangga kerana dapat menolong Encik Muthu yang malang itu.

Soalan 17-20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

17 Apakah yang terjadi kepada Encik Muthu ?

- A Terjatuh dari basikal
- B Terbaring di tepi jalan
- C Dilanggar kereta
- D Dihempap batu

18 Penulis mengenali Encik Muthu kerana

- A beliau ialah bapa saudaranya.
- B beliau ialah rakan bapanya.
- C beliau tinggal tidak jauh dari rumahnya.
- D beliau sering berbasikal di jalan itu.

-
- 19 Siakah yang menghantarkan Encik Muthu ke hospital ?
- A Penulis
 - B Ayah penulis
 - C Keluarga Encik Muthu
 - D Seorang pemandu teksi
- 20 Bagaimanakah keluarganya mengetahui kejadian malang yang menimpa Encik Muthu?
- A Penulis memberitahu mereka
 - B Seorang lelaki memberitahu mereka
 - C Bapa penulis menghubungi mereka
 - D Pihak hospital menelefon mereka